

## PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 2 Jan 2020

Bil. 01/2020

Ruj:(55)dlm.UNISEL/PP/01.05Jld.I

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera,

### **PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK: EDISI KETIGA 2012 (PINDAAN PERTAMA 2014) BAHAGIAN 12.0 : BERGRADUAT**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan maklumat Buku Peraturan Akademik: Edisi Ketiga 2012 (Pindaan Pertama 2014) berkaitan Bahagian 12.0: Bergraduat.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sepertimana yang tercatat dalam Buku Peraturan Akademik: Edisi Ketiga 2012 (Pindaan Pertama 2014) pada Bahagian 13.0: Peruntukan-peruntukan Am, yang menyebut bahawa Senat berhak meminda peraturan akademik dari semasa ke semasa.
- 2.2 Mesyuarat Senat Kali Ke-176 (Bil. 10/2019) bertarikh 6 Oktober 2019 telah meneliti semula Buku Peraturan Akademik: Edisi Ketiga 2012 (Pindaan Pertama 2014) Bahagian 12.0 : Bergraduat, Perkara 12.1.1 (ii):

"Perkara 12.1.1 Pelajar layak bergraduat setelah syarat-syarat berikut dipenuhi:

(ii) : Telah memiliki keputusan MUET bagi program sarjana muda dan minimum Band 4 untuk pelajar Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua. "

#### **3.0 PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK**

- 3.1 Mesyuarat telah meluluskan pindaan Bahagian 12.0 : Bergraduat, Perkara 12.1.1 (ii) dalam Buku Peraturan Akademik : Edisi Ketiga 2012 (Pindaan Pertama 2014) seperti berikut:

##### **12.0 BERGRADUAT**

##### **12.1.1 Syarat-syarat Bergraduat Universiti**

- i) Memperoleh jumlah kredit yang ditetapkan dan berada sekurang-kurangnya dalam Kedudukan Baik (KB);
- ii) Kredit Bahasa Melayu peringkat SPM; atau

- iii) Lulus Bahasa Melayu peringkat SPM dan prinsipal Bahasa Melayu peringkat STPM; atau
- iv) Lulus kursus Bahasa Kebangsaan A dengan sekurang-kurangnya Gred C bersamaan markah 50%;
- v) Bebas daripada tindakan tatatertib;
- vi) Diperakui oleh Senat.
- vii) Perkara 12.1.1 (ii) sehingga Perkara 12.1.1 (iv) hanya terpakai kepada pelajar tempatan. Pelajar antarabangsa adalah tertakluk kepada perkara selainnya dan dasar yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Malaysia.

3.2 Pindaan ini dibuat berdasarkan justifikasi bahawa syarat keperluan MUET Band 4 tidak lagi terpakai bagi program Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua sepertimana yang digariskan dalam Program Standard oleh Agensi Kelayakan Malaysia.

#### **4.0 TINDAKAN**

4.1 Semua Fakulti, Pejabat, Jabatan, Unit hendaklah mematuhi dan melaksanakan arahan seperti yang tertakluk kepada Pekeliling ini berhubung pindaan maklumat Buku Peraturan Akademik: Edisi Ketiga 2012 (Pindaan Pertama 2014) bagi Bahagian 12.0: Bergraduat, yang berkuat kuasa serta-merta kepada semua pelajar baharu dan semasa.

4.2 Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, mana-mana pekeling atau peraturan terdahulu serta pindaan-pindaan setakat mana yang bercanggah adalah terbatal.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

Yang benar



**HAJAH ROKMA BINTI HAJI MAT**  
Pendaftar

s.k : Presiden dan Naib Canselor  
: Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri)  
: Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor (Pentadbiran, Perancangan & Jaringan Global)  
: Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)  
: Bendahari